

# Pindaan AUKU lahir politik sihat

Siswa menghadapi era kebebasan bersuara selepas Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1974 dipinda tahun lalu.

Saya berharap semua siswa mengamalkan politik yang sihat.

Seperti yang kita tahu, tanggal 19 April 2012, Seksyen 15 diluluskan oleh Dewan Rakyat untuk dipinda bagi membenarkan siswa bergiat aktif dalam politik serta memegang dalam jawatan dalam persatuan dan pertubuhan ketika di luar kampus.

Siswa juga diberi peluang menjadi calon sesebuah kawasan. Ia suatu ruang bagi siswa yang bersedia memikul tanggungjawab memimpin masyarakat.

## **Kongsi idea**

Siswa kini boleh meluahkan rasa, berkongsi idea dan pandangan serta memberi sokongan terhadap pihak kerajaan atau pembangkang dalam membentuk masyarakat dan negara yang adil dan sejahtera.

Pada waktu inilah siswa dinilai oleh masyarakat, sejauh mana kematangan untuk bergiat dalam politik.

Buat pertama kalinya pembabitan siswa dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) mula ketara. Ada yang berkempen dan menyentuh isu pengundi muda.

Inilah peluang bagi kita menunjukkan diri dalam politik dengan cara yang sihat selepas diberi kepercayaan oleh kerajaan dan pentadbiran institusi pengajian tinggi.

**Muttaqin Bahari**

USIM